


Panduan Pengguna

RT-BE86U

BE6800 Penghala Wi-Fi Dwi Band



ASUS
IN SEARCH OF INCREDIBLE

MY26582

Edisi Semakan v2

September 2025

Hak cipta © 2025 ASUSTeK COMPUTER INC. Hak Cipta Terpelihara.

Tiada bahagian daripada manual ini, termasuk produk dan perisian yang diterangkan di dalamnya boleh dikeluarkan semula, dipindahkan, ditranskrip, disimpan dalam sistem pengambilan, atau diterjemah ke dalam sebarang bahasa dalam sebarang bentuk atau apa-apa kaedah, kecuali dokumentasi yang disimpan oleh pembeli untuk tujuan sandaran, tanpa kebenaran tersurat bertulis ASUSTeK COMPUTER INC. ("ASUS").

Waranti atau perkhidmatan produk tidak akan dilanjutkan jika: (1) produk dibaiki, diubah suai atau diubah, melainkan pembaikan, pengubahsuaian atau perubahan itu dibenarkan secara bertulis oleh ASUS; atau (2) nombor siri produk itu rosak atau hilang.

ASUS menyediakan manual ini "seperti sebagaimana ada" tanpa sebarang jaminan dalam sebarang bentuk, sama ada tersurat atau tersirat, termasuk tetapi tidak terhad kepada waranti yang dikenakan atau syarat kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu. ASUS, para pengarah, pegawai, pekerja atau agennya tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan sekalipun di atas sebarang kerosakan tidak langsung, khusus, iringan atau lanjutan (termasuk kerosakan di atas kerugian hasil, kerugian perniagaan, kerugian penggunaan atau data, gangguan perniagaan dan yang sama dengannya), walaupun jika ASUS telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut yang timbul daripada sebarang kerosakan atau ralat di dalam manual atau produk ini.

Spesifikasi dan maklumat yang terkandung di dalam manual ini disediakan untuk pemberitahuan sahaja dan tertakluk pada perubahan pada bila-bila masa tanpa notis dan tidak boleh ditafsirkan sebagai komitmen oleh ASUS. ASUS tidak akan menanggung tanggungjawab atau liabiliti untuk sebarang ralat atau ketidaktepatan yang mungkin muncul dalam manual ini, termasuk produk dan perisian yang dijelaskan di dalamnya.

Nama produk dan korporat yang muncul di dalam manual ini mungkin atau mungkin bukan tanda dagangan atau hak cipta berdaftar bagi syarikatnya masing-masing, dan hanya digunakan untuk pengenalan atau penerangan dan untuk faedah pemilik, tanpa niat untuk melanggar.

PENYATA KEBOLEHCAPAIAN

ASUS komited untuk menjadikan dokumentasi kami mudah diakses, selaras dengan Arahan (EU) 2019/882 Parlimen Eropah dan Majlis. Dokumen ini direka untuk memenuhi keperluan WCAG 2.1 (tahap AA)/EN 301 549 dan boleh diakses oleh pembaca skrin seperti NVDA Screen Reader atau Microsoft Narrator.

Untuk maklumat produk lanjut, sila rujuk laman web produk:

<https://qr.asus.com/networking/rt-be86u>



Perkhidmatan dan Sokongan

Lawati laman web kami yang pelbagai bahasa di <https://www.asus.com/support>.



Kandungan

1 Mengenali penghala wayarles anda

1.1 Selamat datang!	6
1.2 Kandungan pakej.....	6
1.3 Penghala wayarles anda	7
1.4 Meletakkan penghala wayarles anda	10
1.5 Keperluan Penyediaan	11

2 Bermula

2.1 Penyediaan Penghala.....	12
Soalan Lazim.....	12
A. Sambungan berwayar	13
B. Sambungan wayarles.....	14
2.2 Persediaan Internet Cepat (QIS) dengan pengesanan auto	16
Soalan Lazim.....	16
2.3 Menyambung ke rangkaian wayarles anda	19

3 Tutorial

AiMesh.....	20
AiMesh Professional	20
DDNS.....	21
Tembok Api/Penapis.....	21
Naik Taraf/Penetapan Semula/Pemulihan Perisian Tegar.....	21
Rangsangan Permainan	22
IPv6.....	22
LAN.....	22
LED	23
Alatan rangkaian.....	23
Mod Operasi.....	24

Kawalan Ibu Bapa.....	24
QoS / QoS Mudah Suai	24
Keselamatan.....	25
Penyediaan / Log Masuk.....	25
Rumah Pintar induk.....	26
Penyelesaian Masalah Internet dan Wi-Fi.....	26
VPN	27
Klien VPN / Gabungan VPN	27
VPN - Instant Guard	28
VPN Profesional.....	28
Pelayan VPN.....	28
Penyediaan VPN pada Windows / MacOS / iOS / Android.....	28
WAN / WAN Dual	28
Wi-Fi.....	28
Wi-Fi Profesional.....	28

Lampiran

Maklumat keselamatan	29
Notis WEEE	31

1 Mengenal penghal wayarles anda

1.1 Selamat datang!

Terima kasih kerana membeli Penghala Wayarles ASUS RT-BE86U!

Casis hitam yang direka dengan menarik bersama merah pekat yang diilhamkan oleh permainan, RT-BE86U menampilkan dwi jalur 2.4GHz dan 5GHz untuk penstriman HD wayarles serentak tidak sepadan; pelayan SMB, pelayan UPnP AV, dan pelayan FTP untuk perkongsian fail 24/7; keupayaan untuk mengendalikan 300,000 sesi; dan Teknologi Rangkaian Hijau ASUS, yang menyediakan sehingga 70% penyelesaian penjimatan kuasa.


1.2 Kandungan pakej

- Penghala wayarles RT-BE86U
- Kabel rangkaian (RJ-45)
- Penyesuai kuasa
- Panduan Mula Pantas
- Kad waranti

NOTA:

- Jika mana-mana daripada item ini rosak atau tiada, hubungi ASUS untuk membuat pertanyaan teknikal dan sokongan. Rujuk kepada **Perkhidmatan dan Sokong** dalam manual pengguna ini.
 - Simpan bahan pembungkusan yang asal sekiranya anda inginkan perkhidmatan waranti pada masa hadapan seperti pembaikan atau penggantian.
-

1.3 Penghala wayarles anda



1. WAN (Internet) LED

Merah: Tiada IP atau sambungan fizikal.

Hidup: Mempunyai sambungan fizikal ke rangkaian kawasan luas (WAN).

2. LED LAN

Mati: Tiada kuasa atau sambungan fizikal.

Hidup: Mempunyai sambungan fizikal ke rangkaian kawasan setempat (LAN).

3. LED 10GE

Mati: Tiada isyarat 10GE.

Hidup: Sistem wayarles sudah sedia.

Berkelip: Menghantar atau menerima data melalui sambungan wayarles.

4. USB LED

Mati: Tiada kuasa atau sambungan fizikal.

Hidup: Mempunyai sambungan fizikal ke peranti USB.

5. LED 2.4GHz

Mati: Tiada isyarat 2.4GHz.

Hidup: Sistem wayarles sudah sedia.

Berkelip: Menghantar atau menerima data melalui sambungan wayarles.

6. LED 5GHz

Mati: Tiada isyarat 5GHz.

Hidup: Sistem wayarles sudah sedia.

Berkelip: Menghantar atau menerima data melalui sambungan wayarles.

7. LED Kuasa

Mati: Tiada kuasa

Hidup: Peranti sudah sedia

Berkelip perlahan: Mod Penyelamat

NOTA: Anda boleh memeriksa status pengoperasian penghala dalam aplikasi penghala.

8. Butang LED

Tekan butang ini untuk menghidupkan/mematikan LED.

9. Butang tetap semula

Butang ini menetapkan semula atau menyimpan sistem ke tetapan lalai kilang.

10. Port Kuasa (DCIN)

Masukkan adapter AC yang diletakkan bersama ke dalam port ini dan sambung penghala anda ke sumber kuasa.

11. Suis kuasa

Tekan suis ini untuk menghidupkan atau mematikan sistem.

12. 2.5G Port LAN 2 ~ 4

Sambung kabel rangkaian ke dalam port ini untuk membentuk sambungan 2.5G LAN.

13. Port 2.5G WAN/LAN1

Sambung kabel rangkaian ke dalam port ini untuk membentuk sambungan 2.5G WAN/LAN1.

14. 10G Port WAN/LAN1 (Internet)

Sambung kabel rangkaian ke dalam port ini untuk membentuk sambungan 10G WAN/LAN1 (Internet).

15. Port USB 3.2 Gen 1

Masukkan peranti USB 3.2 Gen 1 seperti cakera keras atau pemacu kila USB ke dalam port ini.

Masukkan kabel USB iPad anda ke dalam port untuk mengecap iPad anda.

16. Port USB 2.0

Masukkan peranti yang serasi dengan USB 2.0 seperti cakera keras USB atau pemacu kilat USB ke dalam port ini.

17. Butang WPS

Butang ini melancarkan Wizard WPS.

NOTA:

- Hanya guna adapter yang disertakan bersama pakej anda. Menggunakan adapter lain boleh merosakkan peranti.

- **Spesifikasi:**

Adapter Kuasa DC (Output DC): +19.5V dengan arus 2.31A
+12V dengan arus 5A

Suhu Pengendalian: 0 hingga 40°C

Suhu Penyimpanan: 0 hingga 70°C


Kelembapan Operasi: 50 hingga 90%

Kelembapan Penyimpanan: 20 hingga 90%

1.4 Meletakkan penghala wayarles anda

Untuk mendapatkan prestasi rangkaian wayarles yang terbaik daripada penghala wayarles anda, ikuti saranan di bawah:

- Letakkan penghala wayarles di tengah-tengah rangkaian anda untuk liputan wayarles yang maksimum.
- Pastikan peranti berada jauh dari sekatan logam dan jauh dari cahaya matahari langsung.
- Pastikan peranti berada jauh dari peranti Wi-Fi 802.11g atau 20MHz sahaja, persisian komputer 2.4GHz, peranti Bluetooth, telefon tanpa kord, pengubah, motor tugas berat, lampu pendarfluor, ketuhar gelombang mikro, peti sejuk, dan peralatan industri lain untuk menghalang gangguan atau kehilangan isyarat.
- Sentiasa kemas kini ke perisian tegar yang terkini. Lawati laman web ASUS di <https://www.asus.com> untuk mendapatkan kemas kini perisian tegar yang terkini.
- Sesuaikan antena seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah.



1.5 Keperluan Penyediaan

Untuk menyediakan rangkaian anda, anda perlukan satu atau dua komputer yang memenuhi keperluan sistem yang berikut:

- Port Ethernet RJ-45 (LAN) (10Base-T/100Base-TX/1000Base-TX)
- Keupayaan wayarles IEEE 802.11a/b/g/n/ac/ax/be
- Perkhidmatan TCP/IP yang terpasang
- Penyemak imbas Web seperti Microsoft Internet Explorer, Firefox, Safari, atau Google Chrome

NOTA:

- Jika komputer tidak mempunyai keupayaan wayarles terbina dalam, pasang penyesuai IEEE 802.11a/b/g/n/ac/ax/be WLAN pada komputer anda untuk menyambung kepada rangkaian.
- Dengan teknologi dwi jalur, penghala wayarles anda menyokong isyarat wayarles 2.4GHz dan 5GHz secara serentak. Ini membenarkan anda untuk melakukan aktiviti berkaitan Internet seperti melayari Interet atau membaca/ menulis mesej e-mel menggunakan jalur 2.4GHz sementara secara serentak strim fail audio/video berdefinisi tinggi seperti filam atau muzik menggunakan jalur 5GHz.
- Beberapa peranti IEEE 802.11n yang anda ingin sambung ke rangkaian anda mungkin menyokong atau tidak menyokong jalur 5GHz. Rujuk manual peranti untuk spesifikasi.
- Kabel Ethernet RJ-45 yang digunakan untuk menyambungkan peranti rangkaian tidak boleh melebihi 100 meter.

PENTING!

- Sesetengah penyesuai wayarles mungkin menghadapi masalah penyambungan ke AP Wi-Fi 802.11be.
- Jika anda mengalami masalah sedemikian, sila pastikan anda mengemas kini pemacu ke versi terkini. Semak laman sokongan rasmi pengeluar anda di mana pemacu perisian, kemas kini dan maklumat lain yang berkaitan boleh diperoleh.

Realtek: <https://www.realtek.com>

Mediatek: <https://www.mediatek.com>

Intel: <https://www.intel.com/>

2 Bermula

2.1 Penyediaan Penghala

PENTING!

- Gunakan sambungan berwayar semasa menyediakan penghala wayarles anda untuk mengelakkan isu penyediaan wayarles yang mungkin berlaku.
 - Sebelum menyediakan penghala wayarles ASUS anda, lakukan yang berikut:
 - Jika anda sedang menggantikan penghala yang sedia ada, tanggalkannya daripada rangkaian anda.
 - Putuskan sambungan kabel/wayar dari modem anda yang sedia ada. Jika modem anda mempunyai bateri sandaran, tanggalkannya juga.
 - But semua komputer anda (disarankan).
-



AMARAN!

- Kord bekalan kuasa mesti dipalam masuk ke salur keluar soket yang disediakan dengan pembumian yang sesuai. Sambungkan peralatan hanya ke salur keluar soket berdekatan yang mudah diakses.
 - Jika Penyesuai, jangan cuba untuk membetulkannya sendiri. Hubungi juruteknik servis bertauliah atau peruncit anda.
 - JANGAN guna kord kuasa, aksesori atau persisian lain yang rosak.
 - JANGAN pasang peralatan ini lebih tinggi daripada 2 meter.
 - Gunakan produk ini dalam persekitaran dengan suhu ambien antara 0°C (32°F) dan 40°C (104°F).
-

Soalan Lazim


- Penyediaan melalui aplikasi Penghala ASUS
- Penyediaan melalui GUI Web (ASUSWRT)
- Penyediaan melalui QIS (Penyediaan Internet Pantas)

A. Sambungan berwayar

NOTA: Penghala wayarles anda menyokong kedua-dua kabel tembus lalu atau silang atas semasa menyediakan sambungan berwayar.

Untuk menyediakan rangkaian menggunakan sambungan berwayar:

1. Pasang masuk penghala anda ke sumber kuasa dan hidupkan kuasanya. Sambungkan kabel rangkaian dari komputer anda ke port LAN pada penghala anda.




2. GUI web dilancarkan secara automatik apabila anda membuka pelayar web. Jika ia tidak melakukan pelancaran auto, masuki <http://www.asusrouter.com>.
3. Sediakan kata laluan untuk penghala anda bagi menghalang akses yang tidak dibenarkan.



B. Sambungan wayarles

Untuk menyediakan rangkaian menggunakan sambungan wayarles:

1. Pasang masuk penghala anda ke sumber kuasa dan hidupkan kuasanya.




2. **[Melalui pelayar web]** Sambung ke nama rangkaian (SSID) yang ditunjukkan pada label produk di bahagian bawah penghala. Untuk keselamatan rangkaian yang lebih baik, ubah ke SSID unik dan berikan kata laluan.

Nama Wi-Fi (SSID): ASUS_XX

* **XX** merujuk pada dua digit terakhir alamat MAC 2.4GHz. Anda boleh menemuinya pada label di bahagian bawah penghala anda.

atau

[Melalui aplikasi] Pada peranti mudah alih iOS atau Android anda, ketik **Settings > Wi-Fi**, sambungkan ke SSID rangkaian lalai yang ditunjukkan pada label produk di bahagian bawah penghala. Atau imbas kod (dalam segi empat tepat taktil) pada label produk untuk menyambung ke SSID rangkaian lalai.



3. GUI web dilancarkan secara automatik apabila anda membuka pelayar web. Jika ia tidak melakukan pelancaran auto, masuki <http://www.asusrouter.com>.
4. Sediakan kata laluan untuk penghalang anda bagi menghalang akses yang tidak dibenarkan.

Login Information Setup

Change the router password to prevent unauthorized access to your ASUS wireless router.

Router Login Name	admin
New Password	
Retype Password	☐ Show password

NOTA:

- Untuk mendapatkan butiran mengenai menyambung kepada rangkaian wayarles, rujuk manual pengguna penyesuai WLAN.
- Kata laluan anda mesti sekurang-kurangnya 10 aksara panjang, termasuk sekurang-kurangnya satu huruf, satu nombor, dan satu aksara khas. Ia tidak boleh mengandungi aksara yang sama berturutan (contohnya, 'aa' tidak dibenarkan) dan mesti berbeza daripada nama pengguna anda.
- Jika anda berada di kawasan di mana <http://www.asusrouter.com> mengalih hala, gunakan <https://www.asusrouter.com> untuk mengakses GUI dan log masuk.
- HTTPS menyediakan protokol akses web yang lebih selamat. Untuk akses yang selamat, kami mengesyorkan menggunakan HTTPS untuk mengakses halaman konfigurasi router ASUS anda. Muat turun dan pasang sijil dalam stor Trusted Root Certification Authorities.

2.2 Persediaan Internet Cepat (QIS) dengan pengesanan auto

Soalan Lazim


- Penyediaan melalui aplikasi Penghala ASUS
- Penyediaan melalui GUI Web (ASUSWRT)
- Penyediaan melalui QIS (Penyediaan Internet Pantas)

Ciri Persediaan Internet Cepat (QIS) membimbing anda untuk menyediakan sambungan Internet anda dengan cepat.

NOTA: Semasa menetapkan sambungan Internet buat pertama kali, tekan butang Tetap semula pada penghala wayarles anda untuk menetakannya ke tetapan lalai kilang.

Untuk menggunakan QIS dengan pengesanan cepat:

1. Lancarkan penyemak imbas web. Anda akan dihalakan semula ke Wizard Penyediaan ASUS (Penyediaan Internet Pantas). Jika tidak, masukkan <http://www.asusrouter.co> secara manual.




2. Penghala wayarles secara automatik mengesan jika jenis sambungan ISP anda adalah **Dynamic IP (IP Dinamik)**, **PPPoE**, **PPTP**, dan **L2TP**. Masukkan maklumat yang diperlukan untuk jenis sambungan ISP anda.


PENTING! Dapatkan maklumat yang diperlukan dari ISP anda mengenai jenis sambungan Internet.

NOTA:


- Auto-pengesanan jenis sambungan ISP anda berlaku apabila anda mengkonfigurasi penghala wayarles buat kali pertama atau apabila penghala wayarles anda ditetapkan kepada tetapan lalainya.
 - Jika QIS gagal untuk mengesan jenis sambungan Internet anda, klik **Skip to manual setting** (Langkau ke tetapan manual) dan konfigurasi tetapan sambungan anda secara manual.
-



3. Berikan nama rangkaian (SSID) dan kunci keselamatan untuk sambungan wayarles 2.4GHz dan 5 GHz anda. Klik **Apply (Guna)** setelah selesai.



4. Pada halaman **Login Information Setup (Penyediaan Maklumat Log Masuk)**, ubah kata laluan log masuk penghalang untuk menghalang akses tanpa kebenaran ke penghalang wayarles anda.



NOTA: Nama pengguna dan kata laluan log masuk adalah berbeza daripada nama rangkaian (SSID) 2.4GHz/5GHz dan kunci keselamatan. Nama pengguna dan kata laluan log masuk penghalang wayarles membolehkan anda untuk log masuk ke GUI Web penghalang wayarles anda untuk mengkonfigurasi tetapan penghalang wayarles. Nama rangkaian (SSID) 2.4GHz/5GHz dan kunci keselamatan membolehkan peranti Wi-Fi log masuk dan bersambung ke rangkaian 2.4GHz/5GHz.

2.3 Menyambung ke rangkaian wayarles anda

Selepas menyediakan penghala wayarles anda melalui QIS, anda boleh menyambungkan komputer anda atau peranti pintar lain ke rangkaian wayarles anda.

Untuk menyambung kepada rangkaian anda:

1. Pada komputer anda, klik ikon rangkaian  dalam kawasan pemberitahuan untuk memaparkan rangkaian wayarles tersedia.
2. Pilih rangkaian wayarles yang anda ingin bersambung dengan, kemudian klik **Connect (Sambung)**.
3. Anda mungkin perlu memasukkan kunci keselamatan rangkaian untuk rangkaian wayarles yang selamat, kemudian klik **OK**.
4. Tunggu sementara komputer anda berjaya membentuk sambungan ke rangkaian wayarles. Status sambungan dipaparkan dan ikon rangkaian memaparkan status  yang telah bersambung.

NOTA:

- Rujuk bab seterusnya untuk butiran lanjut mengenai mengkonfigurasi tetapan rangkaian wayarles anda.
- Rujuk manual pengguna peranti anda untuk butiran lanjut mengenai menyambungkannya ke rangkaian wayarles anda.
- Log sistem dan amaran aplikasi kedua-duanya merekodkan acara berikut:

Aktiviti log masuk ke antara muka pengurusan

Perubahan kepada tetapan rangkaian wayarles

Perubahan kepada tetapan penapis MAC

Perubahan pada tetapan log sistem

Mengaktifkan/menyahdayakan pengurusan jauh

3 Tutorial

AiMesh

Apakah itu ASUS AiMesh?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan sistem AiMesh melalui GUI Web?

Manakah model penghala yang menyokong AiMesh?

GUI Web AiMesh 2.0 - Pengenalan

Bagaimanakah cara untuk meningkatkan kualiti isyarat antara penghala AiMesh dan nod AiMesh anda?

Sambungan berwayar antara penghala AiMesh (Angkut balik Ethernet).

Mengapakah AiMesh tidak bertukar kepada mod angkut balik Ethernet secara automatik?

Apakah itu Senarai Sekatan Perayauan? Bagaimanakah ia berfungsi?

Bagaimanakah cara untuk menaik taraf perisian tegar bagi nod AiMesh saya?

AiMesh Professional

Adakah AiMesh menyokong perayauan Wi-Fi dan pemanduan jalur?

Adakah penghala AiMesh menyokong mod Titik Capaian?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan dua penghala ASUS sebagai AiMesh dalam mod Titik Akses (AP)?

Bolehkah saya menambah penghala rumah saya ke sistem AiMesh?

Adakah AiProtection dan QoS Mudah Suai akan berfungsi dengan AiMesh?

Bolehkah saya menyediakan sistem AiMesh dengan penghala ASUS dan jenama penghala lain?

Apakah itu Wi-Fi jejaring seluruh rumah?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan sistem Wi-Fi jejaring yang boleh dipercayai dalam bilik bersaiz 780 (lebih kurang 8396 kaki2)?

DDNS

Pengenalan dan penyediaan DDNS

Bagaimanakah cara untuk menyemak sama ada penghala ASUS anda menyokong ciri DDNS?

Bagaimanakah cara untuk saya mengalih keluar nama DDNS yang berdaftar daripada penghala ASUS saya sebelum ini?

Bagaimanakah cara untuk memindahkan DDNS ASUS ke peranti baharu?

Bagaimanakah saya boleh menggunakan ciri DDNS di bawah IP WAN peribadi?

Tembok Api/Penapis

Bagaimanakah cara untuk mengkonfigurasi tetapan umum Tembok Api?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Penapis URL?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Penapis Perkhidmatan Rangkaian?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Penapis Kata Kunci dalam penghala ASUS?

Naik Taraf/Penetapan Semula/Pemulihan Perisian Tegar

Penetapan Semula Kilang Keras penghala ASUS

Bagaimanakah cara untuk menggunakan Mod Penyelamat (Pemulihan Perisian Tegar)?

Bagaimanakah cara untuk menaik taraf perisian tegar penghala ASUS anda kepada versi terkini (GUI Web)?

Naik taraf perisian tegar gagal.

Bagaimanakah cara untuk memuat naik fail konfigurasi bagi penghala ASUS saya?

Bagaimanakah cara untuk menyimpan Log Sistem dalam penghala ASUS saya?

Mengapakah saya kadang-kala tidak boleh memuat turun atau mengemas kini sistem pengendalian pada iPhone atau Mac saya?

Rangsangan Permainan

Bagaimanakah cara untuk menggunakan WtFast pada penghala ASUS?

IPv6

Bagaimanakah cara untuk menyediakan IPv6 pada penghala ASUS anda?

Bagaimanakah cara untuk saya menyediakan perkhidmatan IPv6 - FLET'S IPv6?

Cara untuk menyediakan tembok api IPv6?

Perkhidmatan DDNS dan fungsi VPN bagi penghala wayarles ASUS tidak menyokong IPv6.

LAN

Bagaimanakah cara untuk menyediakan IPTV pada penghala ASUS?

Bagaimanakah cara mengkonfigurasikan penghala anda untuk menggunakan Pi-Hole?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan pengagregatan pautan pada penghala ASUS (Teaming Port / LACP)?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Kawalan Suis pada penghala ASUS?

Adakah mungkin untuk menggunakan penghala secara eksklusif untuk Intranet tanpa sambungan WAN?

Bagaimanakah cara untuk mencari nombor IP yang ditetapkan secara manual dalam pelayan DHCP?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan IP LAN?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan laluan statik?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan pelayan DHCP?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Bangkit pada LAN (WOL)?

Apakah itu VLAN dan bagaimanakah cara untuk menyediakannya?

Bagaimanakah cara untuk mengkonfigurasikan tetapan Radius?

LED

Lampu LED WAN penghala ASUS saya tidak normal.

Lampu LED Wi-Fi penghala ASUS saya tidak HIDUP.

LED Kuasa penghala ASUS saya berkelip.

Alatan rangkaian

Pengenalan Sejarah Web

Pengenalan Monitor Trafik

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Netstat?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Analisis Rangkaian?

Mod Operasi

Berapakah bilangan nod AiMesh yang dicadangkan dalam sistem AiMesh?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan mod pengulang?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan mod penyambung media?

Kawalan Ibu Bapa

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Kawalan Ibu Bapa melalui WebGUI?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Keluarga (Kawalan Ibu Bapa) melalui aplikasi Penghala ASUS?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Pelayaran Selamat Sekali Ketik (Kawalan Ibu Bapa) melalui aplikasi Penghala ASUS?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan DNS AdGuard dengan penghala ASUS?

QoS / QoS Mudah Suai

Pengenalan QoS

Bagaimanakah cara untuk menyediakan QoS - jenis Tradisional?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan QoS Mudah Suai - Pengehad Lebar Jalur?

Bagaimanakah saya boleh mengetahui jika penghala wayarles ASUS saya menyokong QoS Mudah Suai?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan QoS - jenis Mudah Suai?

Pengenalan dan penyediaan Monitor Lebar Jalur

Adakah AiProtection dan QoS Mudah Suai akan berfungsi dengan AiMesh?

Keselamatan

Perlindungan Tiga Peringkat untuk Keselamatan Rangkaian Komprehensif

Bagaimanakah cara untuk menjadikan penghala saya lebih selamat?

Cara-cara untuk mencapai keselamatan rangkaian

Bagaimanakah cara untuk menetapkan perlindungan rangkaian (AiProtection)?

Bagaimanakah cara untuk AiProtection melindungi rangkaian rumah saya?

Adakah AiProtection dan QoS mudah suai berfungsi dengan AiMesh?

Penyediaan / Log Masuk

Persediaan imbasan kod QR yang mudah (penghala siri ASUS RT)

Mengapakah saya tidak dapat mengakses halaman tetapan penghala ASUS saya?

Bagaimanakah cara untuk mengakses halaman tetapan GUI Web penghala ASUS saya melalui HTTPS?

Apakah itu CAPTCHA? Bagaimanakah cara ia dilaksanakan?

Saya tidak boleh mengelog masuk ke GUI Web penghala ASUS dengan nama pengguna dan kata laluan saya.

Bagaimanakah cara untuk saya mengakses halaman penyediaan penghala ASUS saya melalui GUI Web?

Rumah Pintar induk

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Rangkaian Kanak-kanak?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Rangkaian IoT?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Rangkaian VPN?

Penyelesaian Masalah Internet dan Wi-Fi

Bagaimanakah cara untuk membetulkan masalah "Sambungan anda tidak peribadi" semasa membuka GUI Web penghala ASUS?

Akses Internet melalui penghala gagal

Mengapakah status Internet menunjukkan sebagai bersambung semasa tiada Internet sebelum menyediakan penghala ASUS?

Komputer tidak boleh mengakses Internet melalui sambungan wayarles ke penghala.

Bagaimanakah cara untuk menyemak kelajuan sambungan berwayar dan spesifikasi kabel rangkaian untuk penghala wayarles ASUS saya?

Tidak dapat menggunakan telefon pintar untuk berkongsi Internet melalui penghala ASUS.

Bagaimanakah cara untuk membetulkan pemacu kad wayarles komputer riba yang tidak menemui SSID wayarles penghala (untuk penghala 802.11 ax)?

Penghala ASUS saya terputus sambungan pada jam 0:00 setiap malam.

VPN

Buka kunci kuasa VPN dengan penghala ASUS: Selamat, Peribadi, dan Ketersambungan Lancar

Klien VPN / Gabungan VPN

Mengapakah anda mesti mencuba Berbilang Sambungan VPN (Gabungan VPN / Klien VPN) - Lewat daripada 388.xxx?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Surfshark dalam Gabungan VPN (Klien VPN)?

Bagaimanakah cara untuk mendapatkan kunci peribadi Surfshark?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan NordVPN dalam Gabungan VPN?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Cyberghost dalam Gabungan VPN?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Klien VPN WireGuard® dalam Gabungan VPN?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Klien OpenVPN dalam Gabungan VPN?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan klien VPN PPTP dalam Gabungan VPN?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan VPN tapak ke tapak dengan WireGuard®?

Apakah itu Berbilang Sambungan VPN (Gabungan VPN / Klien VPN)?

Bagaimanakah cara untuk mengkonfigurasi berbilang sambungan VPN pada penghalang ASUS (Gabungan VPN / Klien VPN)?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Klien VPN dalam penghalang ASUS (GUI Web)?

VPN - Instant Guard

Apakah yang saya perlukan untuk menggunakan Instant Guard?

Manakah penghalang ASUS yang menyokong Instant Guard?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan VPN Instant Guard?

Bagaimanakah cara untuk memastikan VPN Instant Guard anda sentiasa bersambung?

Bagaimanakah cara untuk berkongsi sambungan selamat dengan rakan-rakan atau keluarga melalui aplikasi Instant Guard?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan Instant Guard dengan pemajuan port di bawah IP WAN peribadi?

VPN Profesional

Bagaimanakah cara untuk menyediakan pelayan DNS pada pelayan VPN dalam penghalang?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan pelayan VPN dengan pemajuan port?

Bagaimanakah cara untuk menjadikan VPN dan DMZ berfungsi bersama?

Adakah perkhidmatan DDNS dan fungsi VPN penghalang wayarles ASUS menyokong IPv6?

Pelayan VPN

Bagaimanakah cara untuk menyediakan pelayan WireGuard®?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan pelayan VPN pada penghalang ASUS – IPsec VPN?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan pelayan VPN pada penghalang ASUS – OpenVPN?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan pelayan VPN pada penghala ASUS – PPTP?

Penyediaan VPN pada Windows / MacOS / iOS / Android

Bagaimanakah cara untuk menyediakan WireGuard® VPN Atas Permintaan pada peranti mudah alih?

Bagaimanakah cara untuk menyambung ke pelayan OpenVPN dengan peranti saya (Untuk Windows)?

Bagaimanakah cara untuk menyambung ke pelayan OpenVPN dengan peranti saya (Untuk Android)?

Bagaimanakah cara untuk menyambung ke pelayan OpenVPN dengan peranti saya (Untuk iPhone)?

Bagaimanakah cara untuk menyambung ke pelayan OpenVPN dengan peranti saya (Untuk Mac)?

Bagaimanakah cara untuk menyediakan sambungan IPsec VPN dalam Windows 10? (Sokongan perisian tegar tersedia untuk 3.0.0.4.386_4xxxx)?

Penyediaan IPsec VPN pada Android

Penyediaan IPsec VPN pada iOS

Penyediaan IPsec VPN pada Mac

WAN / WAN Dual

Palam, Kongsy & Layar: Ubah penghala ASUS anda menjadi hotspot 4G / 5G dengan serta-merta (Penambatan Mudah Alih Auto 4G / 5G)

Pengenalan dan penyediaan WAN Dual

Bagaimanakah cara untuk menyemak sama ada penghala ASUS anda menyokong ciri WAN Dual?

Bagaimanakah cara untuk menetapkan pelayan WAN DNS secara manual ke penghala ASUS?

Bagaimanakah cara untuk mendayakan Pengagregatan WAN pada penghala ASUS?

Bagaimanakah cara untuk mengkonfigurasi Pengesanan Rangkaian Auto sambil mendayakan WAN Dual?

Masa Pajakan IP WAN

Apakah itu mod berterusan DHCP? Bilakah saya harus menggunakannya?

Adakah penghala ASUS menyokong RTSP?
Apakah itu WAN berbilang perkhidmatan dan bagaimanakah cara untuk menggunakannya?
Bagaimanakah cara untuk mencari pelayan DNS terbaik?

Wi-Fi

Apakah yang boleh saya lakukan jika saya terlupa kata laluan Wi-Fi penghala ASUS saya?
Apakah perbezaan antara 2.4GHz dan 5GHz?
Bagaimanakah cara untuk menyahdayakan isyarat Wi-Fi penghala ASUS saya?
Sambungan Wi-Fi kerap terputus.
Bagaimanakah cara untuk mengkonfigurasi Smart Connect dalam Penghala ASUS?
Bagaimanakah cara untuk melupakan kata laluan sambungan Wi-Fi pada Windows / MacOS / Android / iOS?
Bagaimanakah cara untuk mendayakan Pembantu Perayaan?
Bagaimanakah cara untuk menukar kata laluan Wi-Fi penghala ASUS saya?

Wi-Fi Profesional

Bagaimanakah cara untuk mengkonfigurasi tetapan Wayarles - Profesional?
Apakah itu MU-MIMO?
Apakah itu DFS (Pemilihan Frekuensi Dinamik) dan bagaimanakah cara ia berfungsi pada penghala ASUS?
Bagaimanakah cara untuk menyediakan sambungan WPS?
Mengapakah sambungan WPS gagal semasa menggunakan WPA3 Peribadi?
Bagaimanakah cara untuk menyediakan ciri AP Terasing?

Lampiran

Maklumat keselamatan

Apabila menggunakan produk ini, sentiasa patuhi langkah berjaga-jaga asas, termasuk tetapi tidak terhad pada berikut:



AMARAN!

- Kord bekalan kuasa mesti dipalam masuk ke salur keluar soket yang disediakan dengan pembumian yang sesuai. Sambungkan peralatan hanya ke salur keluar soket berdekatan yang mudah diakses.
- Jika Penyesuai, jangan cuba untuk membetulkannya sendiri. Hubungi juruteknik servis bertauliah atau peruncit anda.
- JANGAN guna kord kuasa, aksesori atau persisian lain yang rosak.
- JANGAN pasang peralatan ini lebih tinggi daripada 2 meter.
- Gunakan produk ini dalam persekitaran dengan suhu ambien antara 0°C (32°F) dan 40°C (104°F).
- Baca garis panduan operasi dan julat suhu yang diberikan sebelum menggunakan produk.
- Berikan perhatian khusus kepada keselamatan diri semasa menggunakan peranti ini di lapangan terbang, hospital, stesen minyak dan garaj profesional.
- Gangguan peranti perubatan: Kekalkan jarak minimum sekurang-kurangnya 15 cm (6 inci) di antara peranti perubatan yang diimplan dan produk ASUS untuk mengurangkan risiko gangguan.
- Sila gunakan produk ASUS dalam keadaan penerimaan yang baik untuk meminimumkan tahap radiasi.
- Jauhkan peranti daripada wanita hamil dan bahagian bawah abdomen remaja.
- JANGAN gunakan produk ini jika kerosakan jelas boleh diperhatikan atau ia telah basah atau rosak atau diubah suai. Cari perkhidmatan servis untuk mendapatkan bantuan.



AMARAN!

- JANGAN letakkan pada permukaan kerja yang tidak rata atau tidak stabil.
 - JANGAN letakkan atau jatuhkan objek di bahagian atas produk. Elakkan produk terdedah kepada kejutan mekanikal seperti penghancuran, pembengkokan, pembocoran atau pencincangan.
 - JANGAN tanggalkan, buka, gelombang mikro, bakar, cat, atau sumbat sebarang objek asing ke dalam produk ini.
 - Rujuk label perkadaran di bahagian bawah produk anda dan pastikan penyesuai kuasa anda mematuhi perkadaran ini.
 - Jauhkan produk daripada api dan sumber haba.
 - JANGAN dedahkan kepada atau gunakan berdekatan cecair, hujan atau kelembapan. JANGAN gunakan produk semasa ribut elektrik.
 - Sambungkan litar output PoE produk ini secara eksklusif ke rangkaian PoE, tanpa penghalaan ke kemudahan luaran.
 - Untuk mengelak bahaya kejutan elektrik, putus sambungan kabel kuasa daripada salur keluar elektrik sebelum menempatkan semula sistem.
 - Hanya gunakan aksesori yang telah diluluskan oleh pengeluar peranti untuk berfungsi dengan model ini. Penggunaan jenis aksesori lain boleh membatalkan waranti atau melanggar peraturan dan undang-undang tempatan, dan boleh menimbulkan risiko keselamatan. Hubungi penjual tempatan anda untuk ketersediaan aksesori yang dibenarkan.
 - Menggunakan produk ini dengan cara yang tidak disyorkan dalam arahan yang diberikan boleh menyebabkan risiko kebakaran atau kecederaan diri.
 - Produk ini hanya untuk kegunaan dalam rumah.
-

Notis WEEE



Arahan Peralatan Elektrik dan Elektronik Terbuang (WEEE) (Arahan 2012/19/EU) ialah undang-undang Kesatuan Eropah yang bertujuan mengurangkan impak alam sekitar daripada peralatan elektrik dan elektronik. Ia mewajibkan pengeluar untuk mengambil tanggungjawab terhadap pengurusan akhir hayat produk mereka, mempromosikan pengumpulan, rawatan, dan kitar semula untuk meminimumkan sisa dan menggalakkan pemulihan sumber.

Jangan buang peralatan elektronik dan elektrik anda ke dalam sisa perbandaran.

Simbol tong sampah beroda yang dipalang pada produk atau pembungkusan menunjukkan bahawa produk ini (termasuk sebarang bateri yang terdapat di dalamnya), tidak boleh dibuang bersama sampah rumah anda.

Untuk mengelakkan potensi bahaya kepada alam sekitar dan kesihatan manusia, rangka kerja pengumpulan harus digunakan untuk memulangkan, mengitar semula, dan memulihkan sisa peralatan elektrik dan elektronik (WEEE), dan produk ini telah direka bentuk untuk membolehkan penggunaan semula bahagian-bahagian serta memudahkan kitar semula bahan-bahan tertentu.

Pembuangan yang tidak betul mungkin melibatkan risiko akibat kehadiran bahan berbahaya dalam peralatan elektrik dan elektronik, seperti plumbum, BFR, dan komponen berbahaya lain.

Semak perkhidmatan kitar semula tempatan anda untuk produk elektronik (<https://esg.asus.com/en/circular-economy/resource-regeneration/global-take-back-service>).